

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN HARI LANDSKAP NEGARA

TEMPAT: DATARAN PUTRA, PUTRAJAYA

TARIKH: 04 MAR 2001

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis Pelancaran Hari Landskap Negara pada hari ini.

2. Hari ini adalah satu lagi hari yang bersejarah bagi rakyat Malaysia. Ini adalah oleh kerana Kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara. Sambutan Hari Landskap Negara pada hari ini merupakan lanjutan kepada Kempen Menanam Pokok yang telah disempurnakan pada 3 Mac 1997.

3. Manusia yang bertamadun tidak sahaja makan untuk hidup tetapi memberi keutamaan juga kepada kelazatan dan keindahan hidangan. Lebih tinggi tamadun manusia lebihlah keutamaan yang diberi kepada persekitaran, kepada ketertiban dan kepada ketinggian seni dan budaya. Justeru itu, kita boleh mengukur ketinggian tamadun sesuatu bangsa melalui taraf seni dan budaya dalam segala kegiatan bangsa itu.

4. Ketinggian seni dan budaya juga mempengaruhi kemajuan bangsa berkenaan. Demikian bangsa yang berjaya membangun seni dan budaya yang tinggi biasanya lebih maju dan gagah daripada bangsa yang tidak dapat membentuk seni dan budaya yang tinggi.

5. Persekitaran sesuatu bangsa memberi gambaran yang awal akan tamadun bangsa itu. Sebab itu kita dapati bangsa yang bertamadun tinggi hidup dalam persekitaran yang bersih dan indah yang diusahakan oleh bangsa itu. Oleh kerana ini adalah budaya bangsa maka seluruh negara bangsa yang bertamadun tinggi akan dilihat tertib, teratur, bersih dan indah.

6. Kegagalan sesuatu bangsa memperlihatkan tahap persekitaran yang baik ini bukan sahaja mencerminkan tamadun yang rendah tetapi juga pembangunan dan kejayaan yang rendah. Lebih buruk lagi ialah mereka yang bertamadun rendah ini tidak pun berasa malu dengan budaya rendah mereka dan tidak dapat membuat penilaian akan perbezaan di antara mereka dengan bangsa yang tinggi tamadun mereka.

7. Perasaan malu lebih utama daripada kebanggaan dengan diri sendiri. Bangsa yang tahu malu mengambil berat akan kelakuan dan prestasi yang ditunjukkan. Kegagalan atau kelemahan dalam apa-apa bidang tetap akan memalukan orang yang tinggi budayanya. Justeru itu, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dan meningkatkan kebolehan mereka.

8. Kita tidak ingin kepada perasaan malu yang keterlaluan sehingga sanggup mengambil nyawa sendiri untuk menebus maruah. Tetapi kita harus tahu malu apabila tamadun bangsa kita begitu rendah sehingga kita tidak pun tahu perbezaan di antara yang bersih dan indah dengan yang kotor dan hodoh. Apabila kita tidak tahu maka kita tidak dapat mengubah keadaan seni dan budaya kita dan kita akan kekal sebagai bangsa yang bertamadun rendah yang tidak boleh berjaya.

9. Sesuatu yang membuktikan tahap tamadun bangsa ialah kebolehan membentuk persekitaran yang indah dan menarik. Seperti juga dengan kebolehan yang lain, pada mulanya kecekapan mengindahkan alam sekeliling adalah rendah. Tetapi pengamalan yang berterusan dan berpanjangan tetap akan meningkatkan hasil usaha pengindahan yang dibuat.

10. Alhamdulillah, sejak kita merdeka rakyat Malaysia lebih prihatin dengan persekitaran mereka. Bukan sahaja mereka lebih gigih dalam menjaga kebersihan tetapi juga kecekapan memperelokkan persekitaran meningkat sepanjang masa. Hari ini bukan sahaja pokok-pokok dan pokok bunga ditanam dengan banyaknya tetapi di landskap pula taman di sekeliling rumah. Mungkin rumah yang tidak ada halaman sama sekali, umpamanya tingkat atas rumah pangsa sukar dihias dengan landskap. Tetapi pengindahan masih boleh dibuat dengan menanam pokok bunga yang sesuai di luar tingkap. Arkitek Malaysia belum tahu bagaimana menyediakan 'window flower boxes' untuk rumah-rumah bertingkat ini. Sebaliknya jurutera yang merekabentuk jalan bertingkat lebih cekap mengadakan 'planter boxes' di bahagian luar sisi jalan-jalan ini. Saya yakin arkitek Malaysia akan belajar bagaimana cara penduduk tingkat atas rumah bertingkat dapat mengindahkan bangunan-bangunan ini dengan tanaman pokok-pokok bunga.

11. Di mana terdapat kawasan lapang, bukan sahaja perlu ada tanaman pokok dan pokok bunga secara teratur, tetapi hendaklah diadakan landskap yang menarik, dengan adanya bahagian yang tinggi dan rendah, kolam air dengan pancutan air serta ikan hiasan. Air terjun tiruan boleh diadakan kerana bunyi airnya dapat menenangkan hati. Dan banyaklah lagi rekaan dan inisiatif yang boleh menjadikan satu-satu taman kecil itu unik dan menarik.

12. Pengindahan taman tidak harus terhad kepada kawasan dalam pagar tetapi kawasan di pinggir jalan juga harus ditanam dengan pokok dan dihias dengan baik. Amatlah tidak menarik jika di luar pagar terdapat lalang yang tinggi yang melindungi keindahan taman di dalam pagar. Mungkin ini adalah tugas majlis tempatan atau dewan perbandaran, tetapi mereka mungkin tidak mempunyai cukup tenaga dan kewangan untuk memotong rumput sekalipun. Dan tidak ramai yang sanggup bayar cukai yang lebih tinggi untuk menambah kakitangan dan khidmat pihak berkuasa tempatan.

13. Landskap yang cantik mencerminkan tahap kesenian yang tinggi. Dahulu kesenian ini tidak terlihat di Malaysia. Tetapi kecekapan seni landskap sudah meningkat dengan tingginya tahun demi tahun. Walaupun sudah ada ahli profesional yang berkelulusan dalam bidang landskap dan mereka pula mempunyai syarikat landskap yang dapat memberi khidmat yang baik, tetapi tiap seorang yang mempunyai kawasan di sekeliling yang tidak terlalu besar boleh membuat landskap sendiri. Percayalah mereka yang membuat landskap sendiri dan merawatnya sepanjang masa tidak dapat tidak akan meningkatkan kualiti dan keindahan hasil kerja mereka.

14. Keindahan alam sekeliling memberi ketenangan kepada jiwa manusia. Ia juga boleh mendatangkan inspirasi yang boleh menghasilkan idea dan meningkatkan kreativiti atau pembentukan pemikiran yang unik dan istimewa yang mana ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pencapaian diri sendiri tetapi juga masyarakat. Jiwa yang tenang di kalangan anggota masyarakat juga akan menjadi masyarakat lebih stabil dan lebih berdaya maju.

15. Atas kesedaran ini maka awal-awal lagi Kerajaan telah memberi perhatian kepada landskap dan pengindahan ibu kota pentadbiran kita yang baru, Putrajaya. Oleh kerana pembangunan Putrajaya dibuat di atas kawasan yang tidak mempunyai bangunan-bangunan yang lama, rekabentuk pelannya tidak terganggu. Dengan itu tumpuan boleh diberi sepenuhnya kepada segala aspek keindahan yang sesuai bukan sahaja untuk penghuni semasa tetapi untuk dekad-dekad, bahkan abad-abad yang akan datang.

16. Landskap menjadi unsur yang penting bagi pembangunan Putrajaya. Keadaan bukit-bukau dan lembah-lembah yang sedia ada telah dijadikan asas landskap bagi Putrajaya.

17. Biasanya pemaju akan meratakan bukit dan mengambus lembah-lembah antara bukit-bukit kecil ini. Lembah-lembah ini mengumpul air hujan yang dibawa melalui alur-alur kecil ke sungai yang akhirnya mengalir ke laut atau tasik. Apabila lembah kecil ini dikambus dengan tanah dari bukit untuk mengadakan tanah rata untuk

perumahan, air akan menakung di hulu lembah di tanah jiran. Dengan ini air hujan akan bertakung dan apabila terlalu tinggi paras air akan melimpah semula ke kawasan yang telah diratakan. Kadang-kadang air yang menakung menggali saluran bawah tanah dan `foundation` rumah di sekeliling terutama rumah bertingkat menjadi tidak kuat. Rumah boleh runtuh kerana tanah `foundation` terhakis dengan teruknya.

18. Sepatutnya semasa membuat pelan pembangunan topografi kawasan bukan sahaja di tapak tetapi di kawasan sekeliling perlu diambil perhatian dan arah pengaliran air hujan ditentukan. Dalam pelan pembangunan air dari kawasan di luar kawasan hendaklah diberi laluan supaya tidak ada takungan di kawasan jiran sama ada yang telah dibangun atau belum.

19. Saya tidak faham kenapa kawasan pembangunan rumah perlu diratakan sehingga hilang bukan sahaja bukit kecil dan lembah tetapi juga alur-alur yang kecil yang membawa air semasa hujan. Tabiat membangunkan rumah berderet dan lurus amatlah tidak menarik. Sebaliknya rumah-rumah patut dibangun mengikut topografi asal walaupun ini akan meningkatkan kos kerana jumlah bangunan terpaksa dikurangkan dan `foundation` yang dalam diperlukan. Saya percaya nilai rumah akan meningkat dan ini dapat menampung kekurangan pendapatan kerana jumlah rumah yang kurang.

20. Pengekalan bentuk topografi tanah yang sedia ada dengan sendirinya menjadikan landskap semulajadi. Arkitek dan jurutera kita harus tahu bagaimana membangunkan kawasan berbukit-bukau dan lembah tanpa meratakan kawasan dan mengekal pengaliran air semasa hujan.

21. Di Putrajaya pengaliran air dari lembah-lembah yang cantik diambilkira semasa membuat pelan keseluruhannya. Terdapat lebih sepuluh buah sungai kecil, yang kering semasa tidak ada hujan, yang menuju ke arah lembah Putrajaya. Wetland buatan diadakan untuk menapis air dari lembah dan alur supaya air di tasik menjadi bersih. Walaupun ini bermakna kawasan yang luas dikorbankan tetapi nilai tanah dan rumah meningkat dengan tingginya. Pendapatan daripada memajukan tanah tidaklah terhakis terlalu sangat. Sebenarnya harga tanah yang dibangun dengan cermat seperti ini meningkat hingga 2000 peratus. Namun rumah kos rendah masih boleh dibangun tanpa kerugian. Lagipun penjualan tanah mengambil masa yang panjang dan harga tanah tetap meningkat dengan sendirinya. Pemaju tidak akan rugi kerana memelihara keadaan alam semulajadi.

22. Pembangunan negara kita sudah sampai ke tahap yang memerlukan kita mengubah sedikit cara hidup kita. Persekitaran kita perlu mencerminkan tahap ini. Kita

bukan sahaja perlu mengindahkan kawasan sekeliling kita tetapi ia hendaklah setaraf dengan kemajuan yang telah kita capai. Ia juga akan membuktikan tahap tamadun kita.

23. Selain daripada keselesaan hidup, persekitaran yang indah kerana landskap dan pokok serta pokok bunga akan menjadi daya penarik kepada pelbagai kegiatan sosial dan ekonomi.

24. Pertumbuhan industri pelancongan juga banyak bergantung kepada keadaan landskap yang dapat diperlihatkan di setengah-setengah tempat. Para pelancong tertarik untuk melihat keadaan yang unik, indah dan bersih. Salah satu aspek pelancongan yang menarik pelancong antarabangsa dan tempatan adalah yang berkonsepkan mesra alam. Pemeliharaan landskap semulajadi dan kerosakan yang minima merupakan teras pembangunan kawasan pelancongan di masa hadapan. Pembangunan resort dan hotel di atas bukit tanpa perlu memotong dan meratakan bukit, pembangunan di atas tasik atau air tanpa mencemarkan keadaan asal merupakan cabaran yang perlu diambil oleh pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengekalkan ciri-ciri landskap semulajadi yang kita miliki.

25. Kepentingan penanaman pokok tidak dapat dipisahkan daripada aktiviti landskap. Penanaman pokok perlu diteruskan oleh setiap lapisan masyarakat. Ini adalah kerana selain daripada berfungsi membekalkan oksigen dan menyerap karbon dioksida, penanaman pokok boleh menyumbangkan kepada corak perdagangan untuk negara dalam bentuk 'carbon credit'. Kajian mendapati setiap kawasan seluas 40 meter persegi yang ditanam dengan pokok rendang mampu menghasilkan oksigen untuk keperluan seorang manusia sehari. Ini bererti jika negara kita memberi tumpuan yang serius terhadap penanaman pokok, kita mampu menyumbang kepada bekalan oksigen untuk kegunaan negara maju di dunia yang menghadapi masalah pencemaran yang serius. Adalah menjadi harapan kerajaan setiap warganegara dapat menanam sekurang-kurangnya satu pokok seumur hidup. Dengan sebab itu kerajaan menyokong kempen menanam pokok untuk menghijaukan negara perlu diteruskan dengan sasaran 20 juta pokok sehingga tahun 2020.

26. Penjagaan dan penyelenggaraan kawasan yang telah dimajukan supaya sentiasa kemas, bersih dan berkualiti adalah tanggungjawab semua pihak. Selain daripada Kerajaan Persekutuan, pihak Kerajaan Negeri perlu memberi tumpuan untuk memelihara aset landskap semulajadi yang dimiliki di setiap negeri di samping memberi tumpuan kepada tahap penyelenggaraan yang berkualiti khususnya di bandar-bandar. Pembentukan bandaraya-bandaraya taman di seluruh negara akan menentukan kejayaan Malaysia menjadi Negara Taman menjelang tahun 2005.

27. Komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri melaksanakan program landskap harus disokong dengan penyediaan peruntukan kewangan yang mencukupi, tenaga profesional yang terlatih, organisasi yang berkesan bagi pembangunan landskap di negeri masing-masing. Industri landskap tidak dapat berkembang jauh jika semata-mata bergantung kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan inisiatif pihak swasta. Kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk menterjemahkan dasar pembentukan bandar taman dengan tahap penyelenggaraan dan taraf kebersihan yang tinggi adalah amat penting supaya rakyat keseluruhannya dapat menilai kepentingan landskap sebagai satu budaya masyarakat Malaysia di alaf ke-21.

28. Tugas mengindahkan negara haruslah dikongsi bersama di antara agensi kerajaan, swasta dan NGO. Dengan sokongan padu semua pihak sahajalah impian kita menjadikan Malaysia Negara Taman Tercantik di dunia menjelang tahun 2020 akan menjadi kenyataan.

29. Berpaksikan tema hari Landskap negara kali ini, iaitu `Cintailah Landskap Kita', saya menyeru semua pihak yang terlibat di dalam pembangunan negara sama ada Kerajaan, swasta, ahli profesional, penggubal dasar dan pemaju perumahan untuk memberi keutamaan kepada pembangunan landskap serta pengekalan landskap semulajadi yang kita warisi kerana ia merupakan warisan yang akan kita tinggalkan untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

30. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Landskap Negara Tahun 2001 dengan tema "CINTAILAH LANDSKAP KITA".